

**Penerbitan buku baru Malaysia cecah 16,000 judul
Malaysiakini.com
August 16, 2011**

Jumlah penerbitan buku baru di negara ini mencecah 16,000 judul pada masa ini yang membolehkan Malaysia berada pada kedudukan ke-23 daripada 110 negara di seluruh dunia, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, walaupun negara masih berada di belakang negara jiran iaitu Vietnam dan Indonesia, namun jumlah terbabit menunjukkan kesungguhan penerbit tempatan untuk mencapai sasaran yang diunjurkan.

"Semasa merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada April lalu, saya menggesa semua penerbit tempatan sama ada dari agensi kerajaan atau swasta untuk sama-sama berusaha menerbitkan 26,000 judul buku terjemahan baru setahun.

"Jumlah yang saya unjurkan ini bukan omongan kosong semata-mata, tetapi ia bagi memenuhi nilai penerbitan buku sebanyak 0.1 peratus daripada jumlah penduduk negara ini, yang selaras dengan saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNESCO," katanya pada majlis pengumuman pemenang Pertandingan Kreatif Sains dan Matematik Kebangsaan 2011 di Putrajaya, hari ini.

Beliau berkata, kesungguhan itu adalah sokongan penerbit dengan usaha kerajaan, Kementerian Pelajaran khususnya dalam merealisasikan salah satu daripada sub-NKRA Pendidikan iaitu Meningkatkan Kadar Literasi dan Numerasi (LINUS).

"Oleh itu, saya meminta supaya penerbit terus berusaha dengan lebih keras bagi memastikan bahan bacaan mencukupi serta penghasilan dan penerbitan buku-buku yang dapat memenuhi selera pembacaan kira-kira 27 juta rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Institut Terjemahan Negara Malaysia, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh dalam ucapannya berkata, 130 judul Buku Sains dan Matematik siap diterjemahkan dan akan diterbitkan sebelum penghujung tahun ini.

Katanya, 100 buku diedarkan kepada 9,980 buah sekolah di seluruh negara dan bakinya akan dikirimkan dalam masa terdekat.

SJK (Cina) Chung Hua, Sarawak dipilih sebagai juara bagi kategori sekolah rendah di dalam pertandingan tersebut yang julung kali diadakan bagi penghasilan video terbaik mereka bertajuk "Pertarungan Hebat Ahli Silap Mata".

Muhyiddin menyampaikan hadiah RM15,000 untuk pemenang dan RM10,000 untuk sekolah yang diwakili.

Bagi kategori sekolah menengah, ia dimenangi oleh SMK King George V, Negeri Sembilan bagi video mereka bertajuk "Terokai Tenaga Suria" dan menerima RM20,000 untuk pemenang dan RM10,000 untuk sekolah yang diwakili.

- Bernama